

Hubung Kait Antara Hafazan Al-Quran dan Pencapaian Akademik Pelajar di Maahad Tahfiz Negeri Pahang

Muhammad Daniel Iqbal Mohd Nazori¹, Anas Mohd Lafzul¹, Wan Nur Adira Safiah Wan Hazni¹, Hana Humaira Yazmin Hizam¹, Nurul Farhah Hamidi^{2*}

¹Akademik Tahfiz Profesional, Maahad Tahfiz Negeri Pahang, 25150 Kuantan, Pahang, Malaysia.

²Jabatan Tahfiz Profesional, Maahad Tahfiz Negeri Pahang, 25150 Kuantan, Pahang, Malaysia.

*Corresponding author: nurulfarhah@tahfizpahang.edu.my

ABSTRAK

Kesedaran terhadap kelebihan menghafaz al-Quran mempengaruhi ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke institusi tahfiz, sama ada dikelola oleh kerajaan pusat, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), organisasi bukan kerajaan atau institusi tahfiz persendirian. Ekoran daripada perkembangan institusi tahfiz di Malaysia, Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) telah diperkenalkan pada tahun 2014 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Seterusnya pada tahun 2015, pelaksanaan KBT diperluas ke institusi-institusi tahfiz yang diasaskan oleh MAIN, JAIN dan Yayasan Negeri. Maka, Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) turut dirangka pada tahun 2021 sebagai rujukan utama dalam memperkasa pendidikan tahfiz di Malaysia selari dengan pendidikan arus perdana. Di Pahang, Maahad Tahfiz Negeri Pahang (MTNP) antara institusi tahfiz yang menawarkan KBT kepada para pelajar tingkatan satu hingga lima. Mereka bukan sahaja perlu menamatkan hafazan al-Quran ketika di tingkatan tiga, tetapi turut diwajibkan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Sementara itu, pelajar yang telah menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran digalakkan untuk menduduki Ujian Syahadah 5 Juzuk, 10 Juzuk, 15 Juzuk, 20 juzuk, 25 Juzuk dan 30 Juzuk untuk memastikan tahap hafazan mereka ialah mutqin, iaitu kelancaran dalam hafazan al-Quran tanpa terdapat sebarang kesalahan. Oleh itu penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan kait antara hafazan al-Quran dan pencapaian akademik para pelajar di MTNP berdasarkan keputusan Peperiksaan SPM. Kajian ini menggunakan metodologi penyelidikan kualitatif berdasarkan analisis dokumen dan temu bual wakil alumni MTNP antara tahun 2021 hingga 2023. Implikasi kajian ini merumuskan bahawa menghafaz al-Quran perlu diberi perhatian sewajarnya kerana turut menyumbang kepada kecemerlangan akademik pelajar.

Kata kunci: hafazan, syahadah, peperiksaan, akademik

PENDAHULUAN

Pengajian tahfiz di negeri Pahang bermula pada tahun 1967. Bagaimanapun penubuhan MTNP yang diuruskan oleh Yayasan Pahang diasaskan pada tahun 1996. MTNP merupakan institusi yang menawarkan KBT kepada pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima. Para pelajar MTNP perlu menamatkan hafazan al-Quran ketika di tingkatan tiga dan diwajibkan untuk menduduki peperiksaan SPM ketika di tingkatan lima. Bagi pelajar yang telah menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran, mereka turut diwajibkan untuk menduduki Ujian Syahadah sekurang-kurangnya 5 Juzuk yang dikelolakan oleh Jabatan Pembangunan al-Quran, MTNP.

Pada tahun 2023, MTNP mencatat rekod terbaik SPM di Pahang buat kali kesembilan dengan Gred Purata Sekolah (GPS) 1.07 sekaligus dinobatkan sebagai sekolah terbaik SPM 2023 peringkat kebangsaan. Oleh itu, pelaksanaan kajian ini dilaksanakan di MTNP

bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara pencapaian akademik para pelajar dalam Peperiksaan SPM dengan hafazan al-Quran.


METODOLOGI

Kajian ini menggunakan metodologi penyelidikan kualitatif. Data diperoleh daripada dokumen yang dianalisis dan pelaksanaan temu bual separa berstruktur. Bagi pengumpulan data, pengkaji menemubual wakil daripada Jabatan Tahfiz Profesional, Jabatan Pembangunan Modal Insan dan Jabatan Pembangunan al-Quran di MTNP serta lima orang alumni MTNP lepasan SPM 2021, 2022 dan 2023. Pemilihan alumni berdasarkan kecemerlangan mereka dalam hafazan dan akademik.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Keputusan Peperiksaan SPM

Antara tahun 2021 hingga 2023, seramai 166 orang lepasan SPM dari MTNP dengan jumlah calon pada 2021 dan 2023 ialah 56 pelajar serta 2022 ialah 54 pelajar. Berdasarkan Rajah 1, pada tahun 2021, MTNP mencatat GPS 1.47 dalam Peperiksaan SPM dengan bilangan 16 pelajar mendapat keputusan semua subjek A. Bagi tahun 2022, GPS meningkat kepada 1.20 iaitu bilangan pelajar yang mendapat semua subjek A ialah 13 orang. Seterusnya, pada tahun 2023, MTNP memperoleh GPS 1.07 dan muncul sebagai sekolah nombor satu terbaik SPM di Malaysia dengan bilangan 24 pelajar mendapat keputusan semua subjek A.




Rajah 1: GPS Peperiksaan SPM, MTNP

Peperiksaan Syahadah

Rajah 2 menunjukkan bilangan pelajar MTNP dari tahun 2021 hingga 2023 yang lulus Ujian Syahadah bagi 5, 10 dan 15 juzuk yang membabitkan 106 orang lepasan SPM dari MTNP. Tujuan pelaksanaan Ujian Syahadah oleh adalah untuk memastikan kelancaran tahap hafazan para pelajar.

Pada tahun 2021, seramai 23 daripada 56 pelajar lepasan Peperiksaan SPM telah berjaya menduduki Ujian Syahadah 5 Juzuk. Bilangan ini meningkat kepada 24 pelajar pada tahun 2022. Sementara itu, tahun 2023 mencatatkan bilangan lulus tertinggi iaitu seramai 35 pelajar. Bagi Ujian Syahadah 10 juzuk, seramai dua pelajar telah lulus ujian tersebut pada tahun 2021. Seterusnya, jumlah ini meningkat kepada 10 pelajar, manakala 2023 pula ialah 6 pelajar. Dari tahun 2021 hingga 2023, bilangan pelajar yang lulus Ujian Syahadah 15 juzuk ialah enam orang iaitu seorang pada tahun 2021, tiga orang pada tahun 2022 dan dua orang pada tahun 2023. Kesungguhan lepasan SPM di MTNP untuk lulus dalam Ujian Syahadah membuktikan terdapatnya hubung kait antara pencapaian akademik dengan amalan kerohanian (Salasiah et. Al, 2012).



Rajah 2: Bilangan Lulusan SPM, MTNP Lulus Ujian Syahadah

Temu Bual Alumni

BIL.	ALUMNI	LEPASAN SPM	KEPUTUSAN SPM	PENCAPAIAN SYAHADAH	BIASISWA	UNIVERISTI	JURUSAN
1	A	2023	11A+	15 JUZ	Petronas	Universiti Taylor	Kejuruteraan Mekanikal
2	B	2023	11A+	15 JUZ	Biasiswa Kecemerlangan Menteri Besar	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	Perubatan
3	C	2022	7A+, 4A	15 JUZ	YTP-MARA	Kolej Mara Banting	Pengajian Bahasa Arab dan Sains Islam
4	D	2022	3A+, 3A, 3A-, 1C	15 JUZ	Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP)	Universiti al-Azhar	Perubatan
5	E	2021	2A+, 3A, 4A-, 2B	10 JUZ	YTP-MARA	Universiti Cyberjaya	Perubatan

Rajah 3: Latar Belakang Alumni MTNP yang Ditemu Bual

Rajah 3 memaparkan keputusan Peperiksaan SPM lima orang alumni MTNP dan pencapaian mereka dalam Ujian Syahadah. Pemilihan alumni ini berdasarkan kecemerlangan mereka dalam akademik dan hafazan. Dapatan daripada temu bual membuktikan bahawa hafazan al-Quran melatih pelajar untuk mendisiplinkan diri agar daya ingatan dan fokus belajar dapat ditingkatkan. Maka, semakin banyak jumlah juzuk yang dihafal, semakin baik daya ingatan mereka. Hal ini sememangnya membantu mereka dalam membuat persediaan sebelum menduduki Peperiksaan SPM.

KESIMPULAN

Hubung kait antara hafazan al-Quran dan pencapaian akademik daripada kajian ini dapat dijadikan panduan untuk merangka modul baharu kemenjadian pelajar MTNP yang merangkumi elemen jasmani, emosi, rohani, sahsiah dan intelek. Tambahan, ramai ibu bapa yang berminat menghantar anak-anak mereka ke institusi tahfiz yang menawarkan KBT.

PENGHARGAAN

Terima kasih diucapkan kepada Jabatan Tahfiz Profesional, Jabatan Pembangunan Modal Insan dan Jabatan Pembangunan al-Quran, MTNP serta wakil alumni atas kesudian membantu dalam pelaksanaan kajian ini.

RUJUKAN

- Anis Syahirah Fauzan & Sabri Mohamad. 2017. "Kesan Hafazan al-Quran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar". *Journal Al-Turath; Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*. 2(2), p.54-59.
- Salasiah Hanin Hamjah, Ermy Azziaty Rozali, Rosmawati Mohamad Rasit & Zainab Ismail. 2012. The Relationship Between Spiritual Practice and Student's Academic Performance. *Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia*, 4(2): 51–60.
- Santibuana Abd Rahman, Ismarulyusda Ishak, Nor Malia Abd Warif, Farah Wahida Ibrahim, Normah Che Din, Dzalani Harun, Ahmad Rohi Ghazali & Sabri Mohamed. 2019. "Hubungan Antara Hafazan al-Quran dan Kualiti Hidup Pelajar Tahfiz di Selangor, Malaysia". *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia Isu Khas*. P. 1-11.